

NEWSLETTER

MAJLIS SHAH ALAM | 2023



ISI KANDUNGAN

- Hadith
- Malfoozat
- Ringkasan Kuthbah Jumaat
- Aktiviti Majlis Shah Alam
- Nazam
- Doa
- Resipi
- Tips

HADIS : MENGENAI MENDAMAIKAN PERSELISIHAN LEBIH UTAMA

عَنْ أَبِي الدَّرْدَاءِ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَلَا أَخْبِرُكُمْ بِأَفْضَلِ مِنْ دَرَجَةِ الصِّيَامِ وَالصَّلَاةِ وَالصَّدَقَةِ قَالُوا بَلَى يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ إِصْلَاحُ ذَاتِ الْبَيْنِ وَفَسَادُ ذَاتِ


Daripada Abu Darda RA ia berkata, "Rasulullah SAW bersabda: "Mahukah jika aku khabarkan kepada kalian suatu yang lebih utama dari darjat puasa, solat dan sedekah?" para sahabat berkata, "Tentu ya Rasulullah." Baginda bersabda: "Mendamaikan orang yang sedang berselisih. Dan rosaknya orang yang berselisih adalah pencukur (mencukur amal kebaikan yang telah dikerjakan)." (Sunan Abu Daud No: 4273)

Mendamaikan dua orang yang berselisih atau dua kelompok yang bergaduh adalah lebih utama berbanding ibadat peribadi seperti puasa, solat dan sedekah.

HADIS: PERBEZAAN ANTARA MUSLIM YANG AKTIF DAN TAK AKTIF

Diriwayatkan oleh Hazrat Abu Hurairah Ra: Rasulullah SAW bersabda: "Sesiapa yang beriman kepada Allah dan kepada Nabi-Nya dan mendirikan solat dan berpuasa di bulan Ramadhan, Allah berjanji akan memasukkannya ke dalam syurga sama ada dia berjuang untuk jalan-Nya atau duduk di rumah taman tempat dia dilahirkan." Mereka (para sahabat) berkata: "Maka patutkah kami menyampaikan berita gembira ini kepada manusia, wahai Nabi Allah?!"

Rasulullah SAW menjawab: "Di dalam Syurga terdapat seratus darjat, yang disediakan oleh Allah untuk orang-orang yang berperang di jalan Allah, dan di antara masing-masing adalah sejauh jarak antara bumi dan langit. Maka wahai umat Islam! Apabila kamu memohon kepada Allah (untuk syurga), mohonlah kepada-Nya Firdaus, kerana ia adalah syurga yang paling utama, dan yang paling tinggi, dan yang lebih tinggi daripadanya adalah tempat duduk Tuhan Yang Maha Pemurah dan dari sanalah mengalir sungai-sungai syurga." (Sahih al-Bukhari, Kitab Jihad dan Ekspedisi, Bab Darjah Mujahidin di jalan Allah.)



MAFOOZAT: SATU JEMAAT YANG MUKHLIS DAN SETIA



Hazrat Maseeh Mau'udas bersabda:

Saya bersyukur kepada Tuhan kerana mengurniakan kepada saya satu jemaat yang mukhlis dan setia. Saya melihat bahawa atas pekerjaan atau tujuan apa pun saya jemput mereka, dengan begitu cepat dan bersemangat, mereka saling berlumba-lumba antara satu dengan yang lain maju ke hadapan. Saya melihat ada kejujuran dan keikhlasan dalam diri mereka. Apa sahaja yang saya arahkan, mereka bersedia melaksanakannya.

Pada hakikatnya, tidak ada suatu kaum atau jemaat yang sentiasa bersedia melakukan apa sahaja selagi tidak ada dalam diri mereka semangat atau keikhlasan dalam mentaati atau mengikuti imam. Nabi Isa As banyak menanggung kesusahan dan kesulitan. Puncanya ialah disebabkan kelemahan dan ketidaksetiaan di kalangan pengikutnya. Sewaktu beliau ditangkap, Petrus yang dianggap Hawari teragung telah ingkar di hadapan gurunya, dan bukan sekadar ingkar malah melaknat beliau sebanyak tiga kali. Kebanyakan pengikutnya yang lain pula melarikan diri.

Bertentangan dengan itu, para sahabat Rasulullah Saw telah memperlihatkan contoh kejujuran dan kesetiaan yang tidak ada tandingannya di dunia ini. Demi guru mereka Rasulullah Saw, mereka menganggap mudah untuk menghadapi kesulitan, sehingga sanggup meninggalkan negara tercinta, terpisah dari harta benda dan kaum kerabat.

***“Nabi Isa As banyak menanggung
kesusahan dan kesulitan.
Puncanya ialah disebabkan
kelemahan dan ketidak setiaan di
kalangan pengikutnya.”***

Malah yang paling agung ialah mereka tidak menyesal untuk mengorbankan nyawa semata-mata untuk baginda saw. Inilah kejujuran dan kesetiaan yang telah menjadikan mereka berhasil pada akhirnya. Demikian juga sekarang ini saya dapat melihat Allah Ta'ala telah mengaruniakan kepadaku satu jemaat yang sama seperti sahabat baginda saw dalam soal kejujuran dan kesetiaan. Pada waktu saya bercadang hendak menghantar rombongan ke Nasibain, setiap orang berusaha supaya mereka yang dapat menyempurnakan keinginan beliau. Ada juga kelompok yang memandang dengan penuh kecemburuan sambil berharap kalau mereka yang dihantar ke sana, itu satu kegembiraan yang sangat besar buat mereka. Banyak sahabat-sahabat yang menawarkan diri untuk dihantar ke sana. Tetapi sebelum tawaran itu dibuat, saya sudah pun memilih Mirza Khuda Bakhsh Sahib untuk perjalanan ini. Dan Maulvi Qutbuddin dan Miya Jamaluddin telah dicadangkan untuk bersama beliau ke sana. Sebab itu tawaran para sahabat terpaksa saya tolak. Walaubagaimanapun, saya tahu bahawa mereka yang telah berjanji dengan sempurna dan penuh keikhlasan dalam perkhidmatan ini, ganjaran mereka tidak akan disia-siakan oleh Allah dan mereka akan mendapat ganjaran sesuai dengan keikhlasan masing-masing



RINGKASAN KUTHBAH JUMAAT: CONTOH IBU BAPA DALAM MENTARBIYAT ANAK-ANAK

Maksudnya: "Wahai Tuhan kami! Anugerahkanlah kepada kami dari isteri-isteri kami dan anak keturunan kami penyejuk mata kami, dan jadikanlah kami imam bagi orang-orang yang bertakwa." [Surah Al-Furqan: 75]

01

Tarbiyat anak-anak kamu yang akan datang maka pilihlah wanita-wanita yang memiliki akhlak yang baik supaya akhlaknya yang baik juga akan memberi kesan ke atas anak-anak.

"Demi tarbiyat anak-anak kita juga haruslah memperbaiki diri kita sendiri."

02

Pendiri Agama Islam menyarankan agar melaungkan azan di telinga bayi adalah supaya suara pertama yang didengar oleh anak tersebut dan yang terpahat di dalam fitratnya ialah suara tauhid dan risalah kenabian.

04

Menjadi tanggungjawab para ibu bapa Ahmadi untuk membawa sendiri anak-anak ke program-program pengajian dan acara-acara Jamaat serta beritahu juga kepada anak-anak anda mengenai kepentingannya.

03

Lakukanlah pekerjaan yang menjadi contoh dan pelajaran terbaik untuk anak-anak dan untuk tujuan ini terlebih dahulu amat penting untuk melakukan perbaikan diri.

05

Menciptakan rasa takut pada Allah di dalam diri anak-anak, jadikanlah mereka orang-orang yang bertakwa. Dan ini tidak akan berlaku selagi mana kedua ibu bapa sendiri tidak menjadi orang yang bertakwa atau tidak berusaha menjadi orang yang bertakwa.

AKTIVITI MAJLIS SHAH ALAM SEPANJANG TAHUN



MESYUARAT AMILA PERTAMA MAJLIS SHAH ALAM

ANJUNG SARI, SHAH ALAM, 15 JANUARI 2023-

Lajnah Imaillah Shah Alam buat pertama kalinya mengadakan mesyuarat Amila yang telah dibentuk setelah pelantikan Sadr Majlis Shah Alam pada Disember tahun lepas. Mesyuarat dimulai dengan bacaan doa dan janji Lajnah yang dipimpin oleh Puan Sadr Majlis, Puan Aishah Rafat.

Setelah itu, mesyuarat dimulakan dengan membaca tugas setiap sekretari. Mesyarat ini juga disertai oleh Sadr Zilla, Puan Bushra dan Muhasibah Mulk, Puan Aisyah Abu Bakar bagi membantu pembentukan majlis baharu di Shah Alam ini.

Pertemuan ini juga diselitkan dengan perancangan untuk mengadakan "100 Tahun Lajnah Imaillah" dan juga perbincangan bajet pengeluaran bagi setiap sekretari.

Penutupan mesyuarat diakhiri dengan bacaan doa dan kemudian makan bersama yang disediakan oleh sekretari Ziafat, Puan Anati Lina.

PROGRAM BULANAN NASIRAT : QUARTERLY QUIZ

ANJUNG SARI, SHAH ALAM, 29 JANUARI 2023-

Program Bulanan Nasirat iaitu Quarterly Quiz telah dianjurkan oleh Sekretari Nasirat, Puan Annura Sulaiman. Program ini hadiri oleh 4 orang nasirat, Sadr Zilla, Sekretari Mal Mulk dan juga Sadr Majlis Shah Alam.

Setelah majlis pembukaan laksanakan, para Nasirat menjalankan aktiviti mengulangkaji quiz bulanan bersama-sama yang dibantu oleh Puan Annura. Selepas itu, para Nasirat diberi suntikan semangat dan nasihat dari Lajnah veteran, Puan Amatussalam Ahmad dan juga Puan Radiya.

Di penghujung program itu, Nasirat belajar bersama-sama menulis surat kepada huzoor tercinta kita Hazrat Mirza Masroor Ahmad atba.

SAMBUTAN HARI YAUME MUSLEEH MAUUD (LAJNAH IMAILLAH SHAH ALAM)



Pada 11 Februari 2023, Lajnah Imaillah Shah Alam telah mengadakan Yaume Musleeh Mauud yang dihadiri seramai 21 orang Lajnah dan 4 Nasirat. Acara dimulai pada jam 3.30 petang sehingga 5.30 petang.

Majlis dimulakan dengan Tilawat Al-quran dari Puan Annurah, Nazm dari Puan Afiatul Afiat. Kemudian diikuti dengan janji Lajnah yang dipimpin oleh Sadr Majlis, Puan Aishah Rafat dan doa pembukaan oleh veteran Lajnah, Puan Amatussalam Ahmad.

Majlis diteruskan dengan penceramah pertama yang disampaikan oleh Puan Afiatul Afiat mengenai biografi Hazrat Musleeh Maud dan nubuwatan yang beliau dapat. Bagi memeriahkan acara, quiz telah disediakan berserta saguhati kepada yang berjaya menjawab soalan quiz.

Ceramah kedua disampaikan oleh Puan Bushra, mengenai sumbangan-sumbangan Hazrat Bashiruddin kedalam jemaat termasuk Tarikh-e-jadid dan Waqfe Jadid yang ada sehingga kini. Semua peserta sangat fokus mendengar semua isi cermah yang telah disampaikan oleh kedua-dua penceramah. Setelah selesai acara, doa penutupan kemudian semua peserta menjamu selera yang telah dihidangkan.

SAMBUTAN HARI MUSLIH MAUUD DAN PERASMIAN SOLAT CENTER MAJLIS SHAH ALAM



Perasmian Solat Center baharu yang turut diselitkan dengan acara Yaumi Musleeh Mauud, diadakan di Shah Alam bermula pada pukul 3 petang sehingga 5 petang. Program ini dihadiri dalam anggaran 50 orang. Majlis Shah Alam telah menjemput Amir Jemaat, Tuan Saripuddin Bujing berserta 2 orang mubaligh dari Cheras, Tuan Masroor dan juga Tuan Saladdin dari Nakhoda.

Setelah Tilawat Al-Quran dan Nazm, doa pembukaan yang dipimpin oleh Presiden Majlis Shah Alam, Tuan Sophian Reza. Kemudian, acara dimulakan dengan penceramah pertama, Tuan Masroor. Beliau menyampaikan ceramah mengenai pengorbanan dan kesusahan yang dilalui oleh Hazrat Mirza Ghulam Ahmad dan juga Hazrat Bashiruddin. Penceramah seterusnya, tuan Saladdin. Beliau menjelaskan lebih lanjut mengenai nubuwatan Hazrat Musleeh Mauud dan juga sumbangan-sumbangan beliau ke dalam jemaat.

Kemudian, Amir Jemaat, tuan Saripuddin Bujing menyampaikan ucapan penutupan majlis dan turut memimpin doa bagi memberkati jemaat Majlis Shah Alam supaya terus maju dan aktif dimasa akan datang. Setelah itu, peserta menjamu selera yang telah disediakan oleh Majlis Shah Alam.

YAUMI MASIH MAU'UD PADA PERINGKAT ZILLA KUALA LUMPUR



Pada 18 Mac 2023, Lajnah Majlis Shah Alam telah mengadakan Yaumi Masih Mau'ud pada Peringkat Zilla Kuala Lumpur di Solat Canter. Walaupun kehadiran tidak begitu ramai, majlis tetap dilaksanakan dengan berkat dan kurnia Allah swt.

Setelah itu, ceramah pertama dimulakan oleh Puan Salmana. Ceramah itu mengenai tanda-tanda kedatangan Imam Mahdi. Setelah habis ceramah pertama, lajnah mengadakan kuiz spontan oleh Puan Neelam. Sebelum penceramah kedua memulakan ceramah, adik-adik nasirat membacakan nazm secara berkumpulan. Kemudian, ceramah kedua dari Puan Aishah Abu Bakar, iaitu mengenai Baiat Pertama.

Sebelum acara berakhir, ucapan dari Sekretari Nasirat mengenai Program Nasirat yang telah berlangsung pada minggu lepas. Kemudian, ucapan penutupan dari Puan Sadr Majlis yang membincangkan mengenai program yang akan dilaksanakan semasa bulan puasa.

PROGRAM CUTI SEKOLAH NASIRAT SHAH ALAM

6 Mac 2023, kelas Nasirat di adakan selama 4 hari di Solat Center Shah Alam. Tenaga pelajar telah dilantik untuk mengajar sepanjang 4 hari tersebut.

Puan Bushra dilantik untuk mengajar Qaseedah, Puan Aishah. Abu Bakar mengajar kelas agama, Puan Annurah sebagai guru seni dan kraf dan juga permainan dan Puan Neelam sebagai guru mengajar solat.

Kehadiran pada hari pertama tidak begitu ramai iaitu 8 orang sahaja. Pada hari kedua, jumlah nasirat bertambah seramai. kira-kira 15 orang nasirat. Jumlah tersebut kekal sehingga kelas terakhir selama 4 hari tersebut. Pada hari ke-4, sesi pembelajaran telah berakhir dan nasirat. dibawa ke Tasik Shah Alam bagi menjalankan aktiviti luar kelas. Permainan tersebut seperti mesej relay, kuiz dan juga sedikit sukan fizikal. Penutupan juga diadakan sekali gus ditasik tersebut. Kemudian semua balik semula ke solat center untuk sesi makan bersama.



BULAN RAMADHAN BERBUKA BERSAMA

Pada 1 April 2023, Muqami Shah Alam mengadakan majlis berbuka puasa bersama yang disertai oleh 13 anggota lajnah, 5 nasirat dan 3 orang tetamu dari luar muqami Shah Alam. Majlis berbuka ini telah ditaja oleh Puan Saadiah dan juga Tuan Abu Bakar. Setelah berbuka bersama, semua anggota memulakan solat Terawih yang diimamkan oleh Tuan Salman.



Pada 15 April 2023, Jemaat Majlis Shah Alam telah mengadakan acara berbuka bersama di Solat Center. Kehadiran sangat memuaskan. Ramai yang menghadiri majlis berbuka bersama tersebut. Kehadiran kira-kira 32 orang lajnah. Majlis ini juga ditaja oleh beberapa orang anggota iaitu, keluarga Tuan Jariullah, Tuan Nasir, Tuan Zaki dan Puan. Radiya. Setelah azan Maghrib, anggota menjamu selera berbuka bersama kemudian menunaikan solat Maghrib. Seterusnya makan dan solat Isya dan Terawih.



KELAS TARBIYAT NASIRAT


Pada 1 Jun 2023, Kelas Tarbiyat Nasirat telah diadakan di Solat Center Shah Alam. Ramai nasirat yang menghadiri kelas tersebut. Kelas Tarbiyat ini adalah latihan untuk mengajar nasirat bagaimana untuk mengikuti pertandingan dalam ijtima. Puan Aishah Abu Bakar yang merupakan tenaga pengajar pada hari tersebut, megajarkan bagaimana untuk berpidato kepada adik-adik nasirat. Manakala Puan Bushra pula mengajar Qaseedah dan Nazm kepada nasirat. Seterusnya, aktiviti art and craft yang telah dikendalikan oleh puan Neelam untuk membantu Nasirat cara membuat kraf untuk pertandingan Ijtima.

YAUMI KHILAFAT

Pada 3 Jun 2023, Yaumi Khilafat Peringkat Lajnah telah diadakan. Acara telah dimulakan dengan tilawah Al-Quran oleh Puan Annurah Sulaiman kemudian bacaan hadis oleh Cik Farhanah. Setelah itu, Nazm Khilafat dibawa oleh Puan Bushra Dewi dan kemudian doa pembukaan dan janji lajnah oleh Puan Sadr Majlis Shah Alam, Puan Aishah Rafat. Ceramah pertama disampaikan oleh Puan Masayu Fitriyanti kemudian bersambung dengan ceramah kedua oleh Puan Afiatul Afiat. Setelah selesai ceramah, kuiz diajukan oleh Puan Neelam beserta hadiah kepada lajnah yang berjaya menjawab soalan. Kemudian, setelah selesai acara, Puan Sadr Majlis memulakan penerangan mengenai Ijtima yang akan diadakan untuk peringkat Majlis. Kemudian muawanah juga dibangkitkan dalam acara tersebut. Setelah itu, doa penutupan di ketuai oleh Puan Bushra.

JALSA YAUME KHILAFAT DAN IJLAS

Muqami Shah Alam mengadakan Jalsah Yaume Khilafat dan Ijlas Lajnah pada hari Ahad (9 Julai 2023) yang diadakan di Shah Alam Solat Center. Anggota yang menyertai adalah 11 orang Lajnah, 6 Nasirat dan 2 Banath. Pada sesi petang, anggota Lajnah teruskan dengan Ijlas, pada hari yang sama.



IJTIMA PERTAMA PERINGKAT MAJLIS SHAH ALAM



Pada 19 Ogos 2023, Lajnah Shah Alam telah mengikuti Ijtima buat kali pertama pada peringkat Majlis. Alhamdulillah, ramai yang mengikuti dalam pertandingan tersebut. Tahniah dan Mubarak kepada semua peserta yang menang dan mengikuti acara Ijtima.

IJTIMA PERTAMA PERINGKAT ZILLA KUALA LUMPUR



Pada 26 Ogos 2023, Lajnah Shah Alam telah mengikuti Ijtima buat kali pertama pada peringkat Zilla. Alhamdulillah, peserta Melayu ramai yang mengikuti dalam pertandingan tersebut dan juga memenangi beberapa acara dalam Ijtima. Tahniah dan Mubarak kepada semua peserta yang menang dan mengikuti acara Ijtima.

NAZM

(Nazm by Hazrat Mirza Ghulam Ahmad)

Khuda kee, pa kee, Lo gonkoo, Khuda see, nuserate, aati hai, (2x)

Jabbati hee, Tophir alem, Ko ike alem, deka Ti hee,

Wo ban ti hee, khavaaa rehal, Khase rakoo, Khuda ti heee,

Wo ho jaa, Tihee, agar rehal, Mukhalifa ko, jalaaa Tihee, (2x)

Kabhi wo kaha ke, Hoo karredosy, Mano ke sar, Pepartihee (2x)

Kabhi ho kar, wo paa nii un, Pe i' ke tufaane, Laaa Ti hee (2x)

Gharaze ro keti, nehii haa reggae, Khuda ke kamee, Bandoo se,

Bala khaliq, ke aa ge khal, ke ki kucepesye, jaa tihee

Khuda kee, pa kee, Lo gonkoo, Khuda see, nuserate, aati hai, (2x)

Jabbati hee, Tophir alem, Ko ike alem, deka Ti hee,

DOA

Doa Kemajuan Rohani Dan Ampunan

رَبَّنَا أَتُمْ لَنَا نُورًا وَاغْفِرْ لَنَا إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

"Hai, Tuhan kami, sempurnakanlah bagi kami cahaya kami dan maafkanlah kami, sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas segala sesuatu."

(QS Al-Tahriim: 9)

Doa Shalat

Abu Bakar Ashshiddiq radhiyallahu'anhu berkata kepada Nabi shallallahu 'alaihi wasallam, "Wahai Rasulullah, ajarilah aku doa yang aku panjatkan dalam shalatku!" Nabi pun berkata:

"Ucapkanlah:

اللَّهُمَّ إِنِّي ظَلَمْتُ نَفْسِي ظُلْمًا كَثِيرًا وَلَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ فَاغْفِرْ لِي مِنْ عِنْدِكَ مَغْفِرَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْغَفُورُ الرَّجِيمُ

ALLAAHUMMA INII ZHALAMTU NAFSII ZHULMAN KATSIIRAN WALAA
YAGHFIRUDZDZUNUUBA ILLAA ANTA FAHGHFIRLI MIN INDIKA MAGHFIRATAN INNAKA
ANTAL GHAFUURURRAHIIM '

Ya Allah, sesungguhnya aku telah menzhalimi diriku sendiri dengan kezhaliman yang banyak, dan tidak ada yang bisa mengampuni dosa selain Engkau, maka ampunilah bagiku dari sisi-Mu, sesungguhnya Engkau Maha pengampun lagi Maha Penyayang. (HR Bukhari)

Sumber: FB Jemaat Ahmadiyah Indonesia

RESIPI



TELUR SAMBAL

Bahan-bahan

- 5 biji cili merah*
- 4 biji cili padi (ikut kepedasan masing-masing)*
- 1 biji Bawang Merah dihiris.
- 3 biji telur.
- Garam dan perisa cukup rasa.
- Tanda* dikisar.

Cara-cara

1. Tumis bawang yang telah dihiris.
 2. Kemudian masukkan bahan yang telah dikisar.
 3. Setelah cili naik minyak, masukkan telur dalam sambal.
 4. Setelah itu, masukkan garam dan perisa cukup rasa mengikut selera masing-masing.
-



AYAM MASAK MERAH SIMPLE

Bahan-bahan

- Bawang Besar 2 biji*
- Halia 1 inchi*
- Bawang putih 5 ulas*
- Tanda * dikisar
- Cili kering 2 sudu
- Sos chili 1 cawan
- Ayam 1/2 ekor
- Daun Limau Purut
- Garam dan Gula

Cara-cara

1. Goreng Ayam terlebih dahulu.
2. Tumis bahan yang dikisar bersama cili kering.
3. Kemudian masukkan sos cili.
4. Masukkan daun limau purut.
5. Gula dan garam mengikut cita rasa.